

# MoU: Kuasa pada Ismail Sabri

UM - 10/7/2022 m/d: 8

**LUMUT:** UMNO tidak boleh memperlekehkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam menentukan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan (PH).

Setiausaha Agung Parti Amanah Negara (Amanah), Datuk Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli berkata, Perdana Menteri mempunyai kuasa melangkaui parti politik.

Katanya, lainlah jika Ismail Sabri seorang pemimpin yang terlalu setia dengan parti sehingga membelakangkan perannya kepada negara.

“Setakat yang saya faham, kuasa Perdana Menteri itu besar. Beliau boleh buat (dengan kuasanya) dan ada menteri di bawahnya (yang menuruti perintahnya).

“Saya tidak mahu buat spekulasi apa yang PM boleh buat terhadap partinya sendiri,” kata beliau selepas menyampaikan sumbangan kepada Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) Parlimen Lumut sempena Hari Raya Aidiladha di Taman Samudera, Seri Manjung di sini semalam.

Mohd. Hatta berkata de-



**MOHD. Hatta Md. Ramli (kanan) menyampaikan cek kepada Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia di Parlimen Lumut sempena Aidiladha di Seri Manjung semalam. - MINGGUAN/ SHAMSUL KAMAL AMARUDIN**

mikian sebagai merujuk kepada kenyataan Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Dr. Mohd

Puad Zarkashi yang pernah menyatakan pucuk pimpinan UMNO menerusi MT telah

membuat keputusan bahawa MoU dengan pembangkang tidak dilanjutkan selepas tamat hujung bulan ini.

Mohd. Hatta berkata, MoU itu tiada tarikh luput dan hanya tamat apabila Parlimen dibubarkan sekali gus cadangan mewujudkan MoU baharu atau MoU 2.0 tiada keperluan.

“Selagi Parlimen tidak dibubarkan dan tiada mana-mana pihak melanggar perjanjian dalam MoU itu, maka ia terus terpakai.

“Pada masa sama, pembangkang tidak mendesak kerajaan segera melaksanakan segala reformasi yang dipersetujui dalam MoU itu kerana memahami beberapa kekangan yang harus ditangani seperti situasi dihadapi dalam pembentangan Rang Undang-undang Anti Lompat Parti.

“Cuma ada satu sahaja tarikh yang kita sebut iaitu tiada pembubaran Parlimen sehingga 31 Julai tahun ini,” kata beliau

Kata beliau, Amanah melihat Ismail Sabri lebih bertanggungjawab kepada negara berbanding parti dan ia sikap sewajarnya dimiliki Perdana Menteri.